

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PENGAJARAN  
GURU PENGAJIAN KEUSAHAWANAN: SATU KAJIAN DI  
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK ALOR SETAR, KEDAH**

**NOOR FAIZAH BINTI YAHYA**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

FEBRUARI 2004

Insan-insan yang bermakna dalam hidupku

Ayahbonda

Haji Yahya bin Haji Man dan Hajah Bashah bt Haji Din  
"Tiada kata-kata yang dapat ku coretkan di atas segala  
jasa, kasih sayang dan pengorbananmu membesarkanku  
sehingga kini, hanya doa yang mampu ku titipkan saban  
waktu agar hidupmu sejahtera di dunia dan akhirat".

A. Bakar, A.Rani, A.Omar, K.Mah, K.Yah, A.Mad, A.Yusof,  
A.Razak, Along, Adik Fatimah, abang dan kakak ipar  
serta anak-anak saudara

"Terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan kepada ku  
untuk berjaya, sesungguhnya kalian begitu istimewa"

Teman-teman

Noorfadhilah, Masliza, Noor Azmiza dan semuanya  
"Kita berdiri di hadapan, ramai yang menaruh harapan,  
semoga kita berjaya menjadi pendidik yang melahirkan  
insan yang penuh hikmah"



## PENGHARGAAN

### **Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang**

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, laporan projek ini berjaya juga disiapkan seperti yang dijadualkan meskipun berhadapan dengan pelbagai rintangan dalam menyiapkannya.

Setinggi penghargaan dengan penuh keikhlasan kepada penyelia projek, Encik Yunos bin Ngadiman di atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh menyiapkan laporan projek ini. Tidak lupa kepada Encik Ghazally bin Spahat yang banyak membantu dalam menyiapkan projek ini.

Semua pensyarah KUiTTHO yang memberi dorongan dan pendapat ke arah penghasilan projek yang berkualiti.

Kejayaan projek ini juga dengan kerjasama pihak pentadbiran, guru-guru dan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pengajian Keusahawanan di Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, Kedah. Allah jua yang membalas budi baik anda.

Rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan menyedarkan tentang kesilapan, insya-Allah ada ganjaran anda di sana, serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Projek Sarjana ini.

## ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada aspek keberkesanan pengajaran guru, iaitu dari segi sikap, kemahiran komunikasi dan kaedah pengajaran guru melalui persepsi pelajar. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan temubual. Data melalui soal selidik telah didapati daripada lima puluh orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Pengajian Keusahawanan di Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, Kedah. Metodologi kajian kedua yang digunakan ialah temubual, iaitu kepada dua orang guru yang berkaitan. Keseluruhan data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 11.0 untuk mendapatkan jumlah skor dan korelasi. Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi positif antara sikap, komunikasi dan kaedah pengajaran dengan keberkesanan pengajaran melalui persepsi pelajar. Kesimpulannya, persepsi pelajar merupakan antara elemen penting yang boleh digunakan untuk mengetahui keberkesanan pengajaran guru.



PERPUSTAKAAN INSTITUT ILMU  
AMINAH

## ABSTRACT

The research study essentially focus on teaching methodology towards effectiveness teaching consists discipline on teaching attitude behavior, communication skill and instructing procedures by student's perception. Research activities was involved on questionnaire and interview survey application. The questionnaire survey delivered from fifty's number of selected student whose majoring in Entrepreneurship Subject Study at Alor Setar Technical School, Kedah. Second research methodology is interview survey through two's number of similar subject teacher. Achievement result of this research based on questionnaire survey data's been collected and analyzed using total score and correlation formula's by Statistical Package For Social Sciences (SPSS) version 11.0. Research finding shown that the correlation analyzing has positively accepted and agreed by the students. Conclusion is that student's perception is one of the important elements that can be used to know the effectiveness of teaching.



PTM  
PERPUSTAKAAN MAMINAH

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES</b>	
	<b>HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv

**BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Soalan Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Definisi Istilah	12
	1. Persepsi	12
	2. Keberkesanan	12
	3. Sikap	12
	4. Komunikasi	12
	5. Kaedah Pengajaran	12

**BAB 2      SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Sikap	14
2.3	Komunikasi	17
2.4	Kaedah Pengajaran	21
2.5	Keberkesanan Pengajaran	26

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Populasi dan Sampel	32
3.4	Instrumen Kajian	32
	3.4.1 Borang Soal Selidik	33
3.5	Kajian Rintis	35
3.6	Analisa Data	36
3.7	Andaian Kajian	41

**BAB 4 ANALISA DATA**

4.1	Pengenalan	42
4.2	Soal Selidik	43
4.3	Analisis Soal Selidik	43
	4.3.1 Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Guru	44
4.4	Analisis Jumlah Skor	45
	4.4.1 Sikap Guru	45
	4.4.2 Komunikasi Guru	47
	4.4.3 Kaedah Pengajaran Guru	49
	4.4.4 Keberkesanan Pengajaran Guru	51
4.5	Analisis Korelasi	53



## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	58
5.2	Rumusan dan Perbincangan	58
5.2.1	Analisis Jumlah Skor dan Tafsirannya	59
5.2.2	Perkaitan Antara Sikap Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru Melalui Persepsi Pelajar	60
5.2.3	Perkaitan Antara Komunikasi Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru Melalui Persepsi Pelajar	61
5.2.4	Perkaitan Antara Kaedah Pengajaran Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru Melalui Persepsi Pelajar	62
5.3	Kesimpulan	63
5.4	Cadangan Bagi Meningkatkan Lagi Keberkesanan Pengajaran Guru	64
5.4.1	Guru Perlu Menyesuaikan Diri Dengan Pelajar	64
5.4.2	Membuat Selingan Semasa Pengajaran	65
5.4.3	Pengetahuan luas	66
5.4.4	Guru Sebagai Role Model	66
5.4.5	Mempelbagaikan Kaedah Pengajaran	67
5.4.6	Sabar dan Tidak Mudah Putus Asa	68
5.4.7	Hubungan Yang Akrab	69
5.5	Cadangan Lanjutan Kajian	69
5.6	Penutup	70

<b>BIBLIOGRAFI</b>	71
--------------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	78
-----------------	----

4.5	Jadual Korelasi Sikap Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	53
4.6	Jadual Korelasi Komunikasi Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	55
4.7	Jadual Korelasi Kaedah Pengajaran Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	56

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Arahan Prinsip Pertama, Kedua, Ketiga Dan Pengaruhnya Dalam Pengajaran Guru Dan Pembelajaran Pelajar	27

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	HURAIAN PENUH
SMTAS	- Sekolah Menengah Teknik Alor Setar
SMT	- Sekolah Menengah Teknik
PK	- Pengajian Keusahawanan
PTV	- Pendidikan Teknik Vokasional
$H_0$	- Hipotesis Nul
$H_1$	- Hipotesis Alternatif
$r$	- Pekali Korelasi
SPSS	- <i>Statistical Package For Social Sciences</i>



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	78
B	Borang Soal Selidik	79
C	Borang Temubual	83
D	Analisis Temubual	86
E	Kajian Rintis	88
F	Korelasi Sikap Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	93
G	Korelasi Komunikasi Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	94
H	Korelasi Kaedah Pengajaran Guru Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	95



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan dalam konteks yang lebih luas adalah amat penting bukan sahaja kerana fungsi akademik bagi memperkembangkan keupayaan kognitif seseorang tetapi juga fungsi sosial dan peribadi. Justeru itu, guru mempunyai peranan penting dalam proses pendidikan, iaitu untuk melaksanakan dengan jayanya pendidikan bersepadu berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di mana Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan rakyat Malaysia berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai keyakinan diri serta memberi sokongan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu, menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000), pendidikan perniagaan dan keusahawanan ialah salah satu bidang yang dapat membantu menjadikan Malaysia negara maju dalam sektor perindustrian. Pelbagai perubahan pendidikan telah diadakan seperti melaksanakan pendidikan perniagaan dan keusahawanan di sekolah-sekolah akademik dan juga sekolah-sekolah vokasional.

Sehubungan dengan itu, satu mata pelajaran baru telah diperkenalkan di Sekolah Menengah Teknik (SMT) mulai tahun 2002 iaitu Pengajian Keusahawanan. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif di bawah aliran pendidikan teknikal yang bertujuan melahirkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang perdagangan untuk menampung permintaan yang tinggi akibat dari perkembangan pesat sektor perniagaan dan industri, seterusnya menghakis budaya makan gaji di kalangan masyarakat khususnya masyarakat bumiputera (Nawawi Mohd Jan et. al, 2002)

Tanggungjawab guru atau pendidik dalam bidang perniagaan adalah penting untuk menyampaikan ilmu perniagaan ini kepada pelajar. Apa yang diharapkan ialah kebolehan guru bidang perniagaan ini untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini juga selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan para guru yang cemerlang khususnya ke arah keberkesanan pengajaran. Tenaga pengajar yang diingini kerajaan ini diharapkan bukan sahaja tampil dengan kemahiran yang selengkapnya tetapi juga memiliki keperibadian sahsiah yang tinggi, proaktif dan bertanggungjawab serta sentiasa sedar akan tugas dan peranan mereka sebagai komponen penting dalam merealisasikan matlamat dan cita-cita sektor pendidikan. Para pendidik mempunyai peranan yang besar dalam menentukan sama ada organisasi pendidikan itu berkesan atau sebaliknya (Wan Nurul Hekmah, 2002).

Menurut Abd. Rahim (1992), sikap, nilai dan prestasi guru mempunyai implikasi kepada peranan mereka bagi mewujudkan institusi yang berkualiti atau efektif. Prestasi yang dimaksudkan di sini adalah dari segi ilmu pengetahuan dan maklumat terkini yang perlu diketahui oleh seseorang guru. Manakala nilai yang menjadi pegangan guru adalah pembolehubah psikologikal yang akan mempengaruhi tindakan para guru di dalam melahirkan institusi pendidikan yang berkesan. Menurut Alder, 1956; Kluckhohn, 1967; dan Rokeach, 1973 dalam Ahmad Athory (1986), nilai adalah faktor yang mendasari pemikiran, sikap dan tingkah laku manusia di dalam sesebuah organisasi khususnya organisasi pendidikan.

Justeru itu, guru sebagai pendidik semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah perlu menunjukkan kelakuan yang positif kerana segala tindakan mereka diperhatikan. Kelakuan guru menimbulkan pelbagai persepsi kepada pelajar. Apabila berada di dalam bilik darjah, kelakuan guru yang diperhatikan oleh pelajar seperti sikap, komunikasi dan kaedah pengajaran mereka.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pengajian Keusahawanan merupakan salah satu mata pelajaran yang menjuruskan pelajar ke arah industri keusahawanan dan perniagaan. Menurut Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000), pendidikan keusahawanan telah mengalami reformasi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kejayaan perubahan dalam pendidikan keusahawanan ini bergantung kepada sokongan, kesediaan dan motivasi para guru yang terlibat. Peranan guru-guru perdagangan dan keusahawanan sekarang ini lebih mencabar untuk menjamin proses pengajaran dan

pembelajaran berjalan lancar. Mata pelajaran keusahawanan yang diajar kepada pelajar ini dapat memberikan pendedahan awal berkaitan bidang keusahawanan dan perniagaan.

Pelajar sebagai golongan pelapis negara memerlukan bimbingan yang sempurna bagi mendapat pendidikan yang sewajarnya. Antara masalah pelajar dalam proses pembelajaran bagi mata pelajaran keusahawanan dan perdagangan ialah keperluan kepada kefahaman asas yang kukuh tentang konsep-konsep penting. Mata pelajaran keusahawanan ini memerlukan kefahaman asas yang kukuh pada peringkat awal agar para pelajar dapat meneruskan proses pembelajaran dengan baik (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2000). Maka, guru hendaklah melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya pengajaran menjadi berkesan. Oleh itu, keberkesanan pengajaran guru adalah penting kerana pengajaran merupakan proses yang kompleks. Pengajaran yang menarik serta berkesan merupakan satu kejayaan juga kepada warga pendidik. Menurut Medley (1982) keberkesanan seseorang guru itu boleh diukur dari perlakuan murid dan bukannya guru. Oleh itu prestasi seseorang guru itu merujuk kepada perlakuannya semasa ia mengajar dalam kelas. Ini bermakna keberkesanan pengajaran guru akan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap pelajaran.

Menurut Borich (1996), pengajaran yang berkesan melibatkan melakukan sesuatu dan penyatuan elemen yang menolong ke arah mencapai matlamat yang spesifik. Ini bermakna guru sebagai pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengambilkira penyertaan pelajar semasa mengajar di dalam kelas.



Menurut Abdullah (1989), untuk mencapai keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan sahiah yang sempurna, guru perlulah memiliki sifat keperibadian yang unggul, berpengetahuan, ketokohan dan perwatakan yang sempurna. Seharusnya mereka memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam terutamanya untuk mata pelajaran yang diajar juga pelbagai jenis ilmu pengetahuan sampingan yang lain seperti psikologi, sosiologi dan lain-lain bidang dengan perilakunya yang mencecah tahap keyakinan diri sendiri.

Pelajar berharap guru dapat menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat dalam buku-buku rujukan serta menunjukkan isi-isi penting dan maklumat-maklumat asas. Penguasaan pengetahuan tentang subjek yang diajar tidak memadai, sebaliknya guru yang berkesan juga perlu mempunyai kebolehan menyusun bahan-bahan pengajaran supaya mudah difahami. Guru yang baik juga akan menunjukkan sifat-sifat cintakan ilmu dalam bidangnya, sangat *enthusiatics* atau berminat dengan perkara yang diajarkan dan bersemangat mengajar sehingga dapat dikesan oleh pelajar. Menurut Van Doren (1964), *a teacher can fool his colleagues or even his boss, but he never fool his students. They know he loves his subject and whn he doe not.* Menurut beliau lagi, apa yang menyentuh perasaan dan imaginasi pelajar-pelajar ialah a *professor's personal devotion to learning and truth.*



### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam bidang pendidikan keusahawanan kini, satu penggunaan yang menjadi semakin mencabar dan penting ialah berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di mana seorang pendidik dapat merekacipta program atau panduan belajar untuk menampung keperluan pembelajaran pelajarinya (Shaffe Mohd Daud, 1994).

Bagi pelajar peranan utama seseorang guru adalah mengajar. Lazimnya pelajar memerlukan penerangan yang jelas dari guru, kenyataan yang jelas tentang masalah pembelajaran serta bimbingan ke arah penyelesaian masalah. Ini merupakan antara aspek dalam sikap, komunikasi dan kaedah pengajaran guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, Currie (1869) dalam Anderson (1989) berpendapat kualiti perhubungan antara guru dan pelajar mempunyai kesan terhadap kesediaan pelajar mengambil bahagian dalam kelas. Jika hubungan positif wujud antara guru dan pelajar akan membuat pelajar itu berusaha dan bekerjasama dengan guru.

Canton (1986) menyarankan bahawa guru sekolah menengah adalah dianggap sebagai pakar kepada mata pelajaran yang hendak diajar. Berketrampilan dalam menyampaikan isi pelajaran merupakan prasyarat kepada sesuatu pengajaran yang baik. Beliau juga mengatakan bahawa masalah yang berkaitan dengan kurang keupayaan mengajar hendaklah diberi perhatian sewajarnya. Dalam konteks kajian ini, penyampaian isi pelajaran yang dimaksudkan diletakkan di dalam bahagian kaedah pengajaran guru.

Sikap guru merupakan aspek yang penting untuk mewujudkan keberkesanan pengajaran. Di antara sikap guru yang perlu seperti mempunyai minat dan kebolehan. Minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang supaya memberi perhatian kepada sesuatu benda atau kegiatan dan ia juga boleh merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri (Syarifah Alwiyah, 1987). Apabila seseorang itu mempunyai minat dalam bidang yang diikuti, maka dia akan memberikan segala perhatiannya kepada bidang tersebut. Malah Ahmad Athory (1986) mengatakan minat memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesuatu proses pembelajaran dan ia amat mempengaruhi pencapaian seseorang dalam pelajaran itu sendiri. Sekiranya seseorang mempunyai minat dan kebolehan yang tinggi terhadap kerja yang dilakukan, pasti kerja tersebut dapat diselesaikan dengan baik. Ini bermaksud sikap guru dalam aspek minat ini penting untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan.

Tanpa komunikasi yang berkesan sesuatu perhubungan itu pasti hambar dan tidak mencapai maksud yang diinginkan. Oleh yang demikian, ke arah pengajaran yang berkesan seseorang guru perlulah mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan dengan pelajarannya. Misalnya, dalam latihan perguruan aspek komunikasi sering ditekankan. Di antara cara untuk meningkatkan komunikasi dalam latihan perguruan ialah guru dilatih untuk mempersembahkan hasil kerja mereka dan perlu berinteraksi dengan rakan sekelas, iaitu latihan interaksi dengan pelajar.

Justeru itu, pengkaji ingin mengenalpasti sama ada terdapat perkaitan di antara sikap guru, komunikasi guru dan kaedah pengajaran guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis ini adalah untuk menjawab setiap soalan kajian.

Soalan kajian satu

Hipotesis Nul ( $H_0$ ):

Tidak terdapat perkaitan statistik yang signifikan di antara sikap guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar.

Hipotesis Alternatif ( $H_1$ ):

Terdapat perkaitan statistik yang signifikan di antara sikap guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar.

Soalan kajian dua

Hipotesis Null ( $H_0$ ):

Tidak terdapat perkaitan statistik yang signifikan di antara komunikasi guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar.

Hipotesis Alternatif ( $H_1$ ):

Terdapat perkaitan statistik yang signifikan di antara komunikasi guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar.



Soalan kajian tiga

Hipotesis Null (H<sub>0</sub>):

Tidak terdapat perkaitan statistik yang signifikan di antara kaedah pengajaran guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar.

Hipotesis Alternatif (H<sub>1</sub>):

Terdapat perkaitan statistik yang signifikan di antara kaedah pengajaran guru dengan keberkesanan pengajaran guru melalui persepsi pelajar.

### 1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu guru Pengajian Keusahawanan Sekolah Menengah Teknik Alor Setar menilai diri mereka sendiri sama ada pengajaran mereka berkesan atau sebaliknya. Guru harus sedar bahawa persepsi pelajar merupakan salah satu aspek penting untuk memantapkan pengajaran mereka. Ia juga dapat dijadikan sebagai garis panduan untuk pembentukan latihan yang lebih sesuai pada masa akan datang di institusi pengajian tinggi.

Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengkaji semula keperluan kemahiran guru ke arah pengajaran yang berkesan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga dapat menentukan kursus-kursus perguruan yang lebih mantap. Contohnya keperluan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini dan akan datang dengan keperluan terkini seperti teknologi maklumat dan kemahiran generik.

### 1.8 Skop Kajian

Skop bagi kajian yang dijalankan ini terhad kepada tiga aspek keberkesanan pengajaran guru iaitu sikap guru, komunikasi guru, dan kaedah pengajaran.

### 1.9 Batasan Kajian

Di dalam kajian yang telah dijalankan ini, batasan yang wujud adalah seperti:

- i. Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar yang mengambil mata pelajaran PK di SMTAS.
- ii. Keputusan kajian hanya terhad kepada masa kajian yang dijalankan.
- iii. Kajian ini tidak dapat menggambarkan kepada keseluruhan pelajar di Malaysia.



### 1.10 Definisi Istilah

Bagi mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan dari segi maksud, istilah-istilah di bawah dijelaskan untuk tujuan kajian ini.

1. **Persepsi** - Persepsi bermaksud tanggapan atau pendapat seseorang terhadap sesuatu. Dalam kajian ini, persepsi adalah pendapat pelajar terhadap keberkesanan pengajaran guru .
2. **Keberkesanan** - Keberkesanan ialah apabila sesuatu yang diinginkan dapat dicapai.
3. **Sikap** - Sikap adalah personaliti, kelakuan dan sahsiah guru yang dikehendaki oleh pelajar.
4. **Komunikasi** - Komunikasi merupakan perhubungan dan pertemuan sama ada melalui percakapan atau gerak geri di antara guru dengan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.
5. **Kaedah Pengajaran** - Kaedah pengajaran adalah strategi atau taktik yang digunakan oleh guru untuk mengajar.

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Profesion perguruan sentiasa mengalami cabaran dan perubahan. Pelbagai reformasi yang berlaku dalam bidang pendidikan turut mempengaruhi tugas dan peranan yang perlu dimainkan oleh guru. Guru perlu berhadapan dengan pelajar setiap hari dalam kerjayanya, maka persepsi pelajar merupakan antara aspek yang perlu diketahui oleh guru untuk meningkatkan keberkesanan pengajarannya.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH



**BIBLIOGRAFI**

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999). "Komunikasi Untuk Guru." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2000). "Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Ishak (1989). "Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Abd. Rahim Abd Rashid (1992). "Sikap, Nilai dan Prestasi: Implikasinya Kepada Pendidikan". Jurnal Pendidikan. Jilid 16.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1996). "Panduan Latihan Mengajar." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Ahmad Athory Hussain (1986). "Tingkah laku Organisasi Dalam Pengurusan Moden". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anglin, Leo. W. (1989). "Teaching What It's All About." New York: Harper and Row.

Astrid S. Susanto (1987). "Komunikasi Teori dan Praktis 1." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Becoming An Effective Teacher." (1998, May 31). The Star.

Borich, G. D. (1996). "Effective Teaching Methods". New Jersey: Prentice Hall.

- Brophy, J. E. & Good, T. L. (1986). "Teacher Behavior and Student Achievement." In M. C. Wittrock (Ed.), *Handbook on research and Teaching*: Macmillan.
- Bush, A., Kennedy, J. & Cruickshank, D. (1977). "An Empirical Investigation of Teacher Clarity." *Journal of Teacher education*, 53-58.
- Canton, J. J. (1986). "Developing And Managing Effective Instructional Plan". *Business Education Forum* 40(8).
- Cazden, C. (1986). "Classroom Discourse. In M. Wittrock (Ed.), *Handbook of Research On Teaching*". 3rd ed. New York:Macmillan.
- Cohen, L. dan Manion, L. (1985). "Research Methods In Education." London: Croom-Helm.
- Cole, P. G. dan Chan, L. K. S. (1987). "Teaching Principles And Practice." Sydney: Prentice Hall.
- Cruickshank, D. (1985). "Applying Research On Teacher Clarity." *Journal of Teacher Education*, 35 (2), 44-48.
- Dunkin, M., dan Biddle, B. (1974). "The Study of Teaching. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Ee Ah Meng (1989). "Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ee Ah Meng (1997). "Psikologi Pendidikan II." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

- Flanders, N. (1965). "Teacher Influence, Pupil Attitudes And Achievement." Cooperative Research Monograph No 12. Washington: US Office of Education.
- Freiberg, H. J. & Amy Discoll (1992). "Universal Teaching Strategies." Allyn & Bacon.
- Hoyle, E. (1969). "The Role OfThe Teacher." London, Routledge & Kegan Paul.
- Jaafar Muhamad (1996). "Asas Pengurusan Edisi Kedua." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Jaafar Muhamad (2000). "Kelakuan Organisasi Edisi Keempat." Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Jack, R. F., (1996). "How To Design And Evaluate Research In Education." New York: McGraw Hill, Inc.
- James, M. R. & Robert, S. D. (1984). "Education Psychology: Application & Theory". New: Alfred A. Knopf.
- Kauchak, D. P. & Eggen, P. D. (1998). "Learning & Teaching Research-Based Methods." USA: Allyn and Bacon.
- Kerlinger, F. N. (1973). "Foundations of Behavioral Research." New York: Hol, Rinehart and Winston Inc.
- Marshall, H. H. (1995). "Guidelines For The Teaching Of Educational Psychology In Teacher Educations". Dicapai pada 22 Mei 2001 daripada <http://seamonkey.ed.asu.edu/~gene/TEPSIG/apa-principles.html>
- Medley, D. M. (1982). "Teacher Effectiveness." In Encyclopedia of Educational Research, 5th ed., edited by H. E. Mitzel. New York: The Free Press.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (1989). "Pendidikan Di Malaysia Untuk Diploma Perguruan." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang (1996). "Pedagogi 1: Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah." Kuala Lumpur: Budiman Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang (1997). "Pedagogi II: Perlaksanaan." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Morine, D. G. (1982). "Pupil Perceptions of Teacher Praise." *Elementary School Journal*, 82, 421-434.
- Nawawi Mohd Jan, Jamaluddin Che Sab dan Kamaruddin Mohd. Akil (2002). "Pengajian Keusahawanan Tingkatan 4." Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noraini Ahmad (2000). "Motivasi Untuk Kejayaan." *Berita Minggu* (13 Ogos 2000).
- Ornstein, A. C. (1995). *Strategies for Effective Teaching.* United States of America: Brown & Benchmark Publisher.
- Paul Ramsden (1992). "Learning to Teach in Higher Education." New York: Routledge.

- Pollack, Sandy (1984). "Alternative Careers For Teachers." Boston: The Harvard Common Press.
- Robbins, S. P. (2000). "Gelagat Organisasi." (Terjemahan). Edisi ke-8. Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn Bhd.
- Rosli Othman (2000). "Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Kanan Sekolah Menengah Daerah Segamat". Dipetik pada 27 Disember 2003 daripada <http://www.geocities.com/roslioth2000/tinjauan.doc>.
- Rowland, V. & Birkett, K. (1992). "Personal Effectiveness For Teacher." Great Britain: Simon & Schuster Education.
- Rudin Salinger dan Omar Ibrahim (1990). "Kemahiran Asas Pengajaran Melalui Pengajaran Mikro." Siri Pendidikan Fajar Bakti.
- Sarimah Abd Razak (1998). "Tahap Kepuasan Kerja Keseluruhan Di Kalangan Pensyarah-Pensyarah: Satu Kajian Di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim". Johor Bahru, Johor.
- Schuck, R. (1981). "The Impact Of Set Induction On Student Achievement And Retention." *Journal of Educational Research*, 74, 227-232.
- Shaffe Mohd Daud (1994). "Media Tayang dan Bukan Tayang". *Jurnal Institut Perguruan Darul Aman (IPDA)*. 2.
- Snyder et al., (1991). "The Effect Of Instructional Clarity and Concept Structure On Students Achievement and Perception." Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Chicago.

Sperder, D. dan Wilson, D. (1986). "Relevans Komunikasi dan Kognisi." (Terjemahan).  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syarifah Alawiyah Al Sagoff (1987). "Psikologi Pendidikan II: Psikologi Pembelajaran  
Dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling". Kuala Lumpur: Longman.

Treholm, S. dan Jensen, A. (2000). "Interpersonal Communication." USA:Wadsworth  
Publishing Company.

Tuckman, E. R. (1998). "Survey Research Methods." Belmont, C. A. : Wadsworth  
Publishing Company.

Sekaran, Uma (1992). "Research Methods For Business: A Skill-Building Approach."  
2nd ed. New York: John Wiley & Sons Inc.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1993). "Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian."  
Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Wan Nurul Hekmah Wan Mokhtar (2002). "Latarbelakang Pendidikan Pensyarah Dan  
Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Dalam proses Pengajaran Dan Pembelajaran  
Di Politeknik Ungku Omar, Perak". KUiTTHO: Projek Sarjana.

Wiersma, W. (2000). Research Methods In Education: An Introduction". Boston: Allyn  
and Bacon.

Woods, J. (1999). " Interpersonal Communication Everyday Encounters." 2nd. Ed.  
USA:Wadsworth Publishing Company.

Van Doren, M. (1964). "The Good Teacher In College And University Teaching". H.A.  
Estrin And D. M. Goode (Eds) Dubuque. Ia.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000). "Pengajaran-Pembelajaan Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas". Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zulkifli Yusof (2000). "Sukarkah Komunikasi Anda? Seni Berhubungan Dengan Orang Lain." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH